



PENILAIAN 1
2022
SMK SULTANAH HAJJAH KALSOM
[SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN]



PENDIDIKAN ISLAM (45)
TINGKATAN 1

MASA: SATU JAM TIGA PULUH MINIT

Nama Murid : _____

Tingkatan : _____

Arahan:

1. Kertas Soalan ini mengandungi 5 bahagian soalan. **Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C & Bahagian D**
2. Anda dikehendaki menjawab semua soalan dalam semua bahagian.
3. **Bahagian A**, setiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A,B,C** dan **D**. Bagi setiap soalan pilih satu jawapan sahaja.

MARKAH

Bahagian	Markah Penuh	Markah murid
A	30	
B	10	
C	10	
D	10	
JUMLAH	60	

Disediakan Oleh,

.....

(AISHAH BT ISHAK)
Guru Mata Pelajaran

Disemak Oleh,

.....

(MOHD SHAMSURY B ABD RAHMAN)
Ketua Panitia Pendidikan Islam

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

BAHAGIAN A

(20 markah)
Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga soalan 20.

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A,B,C dan D. Pilih jawapan yang betul dan tepat kemudian tuliskan semula jawapan pada ruangan yang disediakan.

1.

أَلَمْ ۱ ذَلِكِ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ۲
الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ _____ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ۳

Pilih kalimah yang betul bagi tempat kosong dalam ayat di atas.

- A بالله
- B باليوم
- C بالغيب
- D بالبينات

2.

أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ه

Kalimah yang bergaris dalam ayat di atas bermaksud

- A orang yang berjaya
- B orang yang bertaqwa
- C orang yang beruntung
- D orang yang bertanggungjawab

3.

1	وَمَا أَنْزَلَ مِن قَبْلِكَ
2	وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ
3	وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أَنْزَلَ إِلَيْكَ

Ayat di atas tidak disusun dengan betul. Pilih susunan ayat yang betul.

- A 2, 1, 3
- B 3, 2, 1
- C 1, 3, 2
- D 3, 1, 2

4. Pilih pernyataan yang **tidak benar** berkaitan ciri-ciri orang yang bertaqwa.

- A Beriman dengan perkara ghaib
- B Mendirikan solat lima waktu
- C **Mengabaikan anak yatim**
- D Mengeluarkan zakat

5. Tujuan mempelajari ilmu tajwid ialah untuk _____ bacaan al Quran.

- A mengindahkan
- B memudahkan
- C **membetulkan**
- D menyusahkan

6. " الخيشوم " ialah makhraj huruf dari

- A Dua bibir
- B Kerongkong
- C Gigi geraham
- D **Pangkal hidung**

7. Pilih kumpulan huruf makhraj kerongkong ((الحلق))

- A ا, و, ي, ء
- B **غ, خ, ء, هـ**
- C ب, م, ق, ك
- D ص, ض, س, ش

8. Pilih padanan huruf dan makhraj yang betul

A	م , ن	Pangkal hidung
B	ب , و	Dua bibir
C	ز , س	Kerongkong
D	ح , ع	Rongga

9. Hadis ialah sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah SAW. Hadis juga turut dikenali sebagai

- A. **al-Khabar**
- B. al-Kalam
- C. al-Musnad
- D. al-Kalimah

10. Rangkaian perawi hadis yang menyampaikan sesuatu hadis merujuk kepada maksud
- matan
 - lafaz
 - sanad**
 - Riwayat
11. “Diam nabi SAW terhadap sesuatu perbuatan atau percakapan sahabat tanpa melarangnya”
Pernyataan di atas merujuk kepada hadis yang disandarkan kepada
- percakapan
 - pengakuan**
 - perbuatan
 - sifat
12. “Makna daripada Allah dan lafaz daripada Rasulullah SAW” merujuk kepada
- hadis Nabawi
 - hadis Qudsi**
 - hadis Sohih
 - hadis Hasan
13. Berikut adalah peranan hadis sebagai sumber hukum **kecuali**
- Menguatkan hukum yang terdapat dalam al-Quran.
 - Memperincikan isi kandungan al-Quran.
 - Membatalkan hukum yang terdapat dalam al-Quran.**
 - Menjelaskan hukum yang tidak terdapat dalam al-Quran.
14.

“ Hadis yang disampaikan oleh dua ulama hadis iaitu Imam al-Bukhari & Imam Muslim.”

Pernyataan diatas adalah sesuai dengan _____
- maksud “Sunan al-Nasai”
 - maksud “Sahih Muslim”
 - maksud “Mutafaqun ‘Alaih”**
 - maksud “Ibnu Majah”
15. Fitrah dari segi bahasa bermaksud
- suci**
 - asal
 - naluri
 - kebenaran
16. Antara yang berikut, yang manakah **bukan** pernyataan yang benar.

- A. Agama Islam diturunkan oleh Allah
- B. Agama Islam sesuai dengan fitrah manusia
- C. Agama Islam menyuruh manusia beribadat semata-mata
- D. Agama Islam mementingkan kehidupan duniawi dan ukhrawi

Agama yang bersumberkan wahyu Allah SWT iaitu daripada al-Quran dan hadis

17. Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian

- A. alamiyyah
- B. syumuliyah
- C. rabbaniyyah
- D. ukhrawiyyah

18. Perkara berikut merupakan ciri Islam sebagai agama fitrah **kecuali**

- A. istita'ah
- B. rabbaniyyah
- C. uhkrawiyyah
- D. syumuliyah

Agama yang lengkap dan memenuhi semua keperluan hidup manusia.

19. Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian

- A. fitrah
- B. akidah
- C. syumuliyah
- D. ukhrawiyyah

20. Pernyataan di bawah adalah benar **kecuali**

- A. Allah membuat pengakuan hanya Islam sahaja agama yang benar
- B. Allah mengetahui perkara yang baik dan buruk untuk manusia dan alam
- C. Allah menetapkan peraturan sebagai batasan tanpa menetapkan jalan keluar
- D. Orang yang tidak berpegang dengan agama Allah akan mendapat kerugian

21. Berikut adalah bukti bahawa manusia memerlukan agama **kecuali**

- A. Mencari Tuhan apabila kesusahan
- B. Merasa tenang apabila gersah
- C. Wujudnya iman ibadah
- D. Ingat tuhan dalam kesedihan

22. Pilih tujuan Allah SWT menetapkan peraturan dalam syariat Islam

- i. Sebagai Batasan
- ii. Untuk menyudahkan
- iii. Sebagai umpan
- iv. Sebagai panduan
- A. i dan iii B. i dan ii
- C. ii dan iv D. i dan iv

23. Ibadat dari segi bahasa ialah

- A **tunduk dan patuh**
- B perbuatan zahir
- C perbuatan batin
- D ikhlas dan tunduk

23.

Mendapat pahala jika mengerjakannya dan berdosa apabila ditinggalkan

Pernyataan diatas merujuk kepada hukum

- A sunat
- B **wajib**
- C haram
- D makruh

24.

Mendapat pahala jika ditinggalkan dan berdosa jika dilakukan.

Pernyataan diatas merujuk kepada hukum

- A sunat
- B wajib
- C **haram**
- D makruh

25. Antara berikut, yang manakah **bukan** ciri-ciri ibadat khusus?

- A Ditetapkan caranya oleh syarak
- B Ada rukun yang perlu dipatuhi
- C Ada syarat tertentu perlu dipatuhi
- D **Meliputi segala aspek kehidupan**

26. Bagaimanakah cara untuk menjadikan setiap ibadah itu mendapat pahala di sisi Allah SWT?

- A Niat kerana hobi
- B **Niat kerana Allah**
- C Niat menunjuk-nunjuk
- D Niat mengisi masa lapang

27. Berikut adalah contoh ibadat umum **kecuali**

- A bekerja
- B berniaga
- C beriadah
- D **berpuasa**

28. Ibadat yang telah ditetapkan oleh syariat dari segi cara , rukun dan syaratnya serta tidak boleh diubah merujuk kepada pengertian

- A. ibadat umum
- B. ibadat rukun

C. ibadat khusus

D. ibadat syariat

29. Pilih situasi yang hukumnya adalah haram.

i. Adli suka menipu kawannya

ii. Adik menjual makanan di kantin

iii. Lelaki itu membeli nombor ekor

iv. Ali suka beli sup ekor

A. i & iii

B. i & ii C. ii & iv

D. i & iv

30. Berikut adalah turutan pembahagian jenis hukum syarak yang betul.

A. Wajib – Sunat – Harus – Haram - Makruh

B. Wajib – Haram – Sunat – Harus - Makruh

C. Wajib – Sunat – Makruh – Harus - Haram

D. Wajib – Sunat – Harus – Makruh – Haram.

Tuliskan semula jawapan soalan no 1 – 30 dalam ruangan yang disediakan.

BIL	JAWAPAN	BIL	JAWAPAN
1	C	16	C
2	A	17	C
3	D	18	A
4	C	19	C
5	C	20	C
6	D	21	BATAL
7	B	22	D
8	B	23	A 23. B
9	A	24	C
10	C	25	D
11	B	26	B
12	B	27	D
13	C	28	C

14	C	29	A
15	A	30	D

BAHAGIAN B (10 markah)

1. a) Hadis merupakan sumber hukum kedua dalam Islam. (2 markah)

i) Nyatakan dua peranan hadis sebagai sumber hukum.

1. memperincikan sesuatu hukum dalam al-Quran
2. menjelaskan hukum yang tiada dalam al-Quran
3. menguatkan hukum yang terdapat dalam al-Quran

ii) Jelaskan dua persamaan antara hadis Qudsi dan hadis Nabawi. (4 markah)

1. Keperluan berwudhuk – tidak wajib Ketika memegang atau membacanya
2. Ganjaran pahala- diberikan kerana belajar & mengamalkannya
3. Martabat- Sohih, Hasan, Dha'if

b) Tulis semula petikan di bawah dengan menggunakan tulisan jawi.

Membersihkan diri daripada najis adalah hukum syarak yang diwajibkan ke atas setiap mukallaf

ممبرسيهكن ديرى درفد نجيس اداله حكوم شرع يع دواجبكن كاتس ستياف

مكلف

(4 markah)

BAHAGIAN C (10 markah)

3. Islam agama fitrah.

i. Jelaskan sebab manusia perlukan agama.

Manusia perlukan agama kerana apabila dia berada dalam kesusahan atau penderitaan pasti akan segera mencari tuhan untuk memohon bantuan dan pertolongan (2 m)

ii. Tandakan (√) pada pernyataan yang betul dan (x) untuk pernyataan yang salah. (4m)

- | | |
|---|-------------------------------------|
| 1. Agama Islam diturunkan oleh Allah swt | <input checked="" type="checkbox"/> |
| 2. Islam menyuruh umatnya beribadah semata-mata | <input type="checkbox"/> |
| 3. Islam tidak sesuai dengan fitrah manusia | <input type="checkbox"/> |
| 4. Islam pentingkan kehidupan duniawi dan ukhrawi | <input checked="" type="checkbox"/> |

iii. Pilih istilah yang betul bagi pernyataan berikut. (4 m)

1. Agama yang sesuai diamalkan oleh semua bangsa dan budaya = **'ALAMIYYAH**
2. Agama yang bersumberkan wahyu Allah SWT iaitu al-Quran & Hadis = **RABBANIYYAH**
3. Agama yang lengkap dan memenuhi semua keperluan hidup manusia = **SYUMULIYYAH**
4. Jaminan kesejahteraan jasmani dan rohani untuk dunia & akhirat = **UKHRAWIYYAH**

BAHAGIAN D (10 m)

4. a) Ibadah merupakan lambang pengabdian hamba yang taat terhadap Allah SWT.
i. Tandakan (✓) pada ibadat wajib dan (x) pada ibadat sunat. (4 m)

- | | |
|---|-------------------------------------|
| 1. Berzikir selepas solat | <input type="checkbox"/> |
| 2. Berpuasa dalam bulan Ramadhan | <input checked="" type="checkbox"/> |
| 3. Berwudhuk untuk menunaikan solat | <input checked="" type="checkbox"/> |
| 4. Membaca basmalah Ketika mula berwudhuk | <input type="checkbox"/> |

ii) Jelaskan dua hikmah penetapan hukum wajib dalam Islam (4 m)

1. Supaya manusia bertanggungjawab terhadap diri sendiri
2. Setiap perkara yg ditetapkan ada ganjaran yang telah dijanjikan Allah

b) Bersedakah adalah ibadat sunat yang dijanjikan ganjaran pahala yang besar oleh Allah. Pada pendapat anda, bagaimanakah dengan bersedakah kita dapat mengeratkan silaturrahim sesama umat Islam?

Sedekah pasti akan mengeratkan silaturrahim sesama umat Islam dapat **menghilangkan perasaan iri hati** kerana **orang kaya mengeluarkan hartanya** untuk **diberikan kepada golongan yang memerlukan**. Oleh itu marilah kita **tingkatkan amalan walaupun sunat kerana**

faedahnya sangat besar.

(4 m)

Kertas soalan tamat